

19 DEC 2000  
Melaka-Exco  
ADUN BUKIT ASAHAH DATUK R.RAGHAVAN ANGKAT SUMPAH JAWATAN EXCO

MELAKA, 19 Dis (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Kawasan Bukit Asahan, Datuk R Raghavan hari ini mengangkat sumpah jawatan sebagai anggota Exco kerajaan negeri yang baru.

Raghavan, 60, yang juga Pengurus MIC negeri mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin di Istana Melaka, Bukit Beruang, di sini. Turut hadir ialah Ketua Menteri Datuk Wira Mohamed Ali Rustam.

Beliau yang merupakan wakil MIC yang pertama dilantik sebagai Exco mempengerusikan Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri mengambil alih portfolio Ramlah Abas yang kini menjadi Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Keluarga, Masyarakat dan Sosial Negeri.

Lapan anggota Exco sekarang disandang oleh enam wakil Umno dan dua wakil MCA. Jumlah itu tidak termasuk jawatan Ketua Menteri.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, Raghavan berkata tugas pertama beliau ialah mengadakan perjumpaan dengan semua pemimpin persatuan belia dan sukan.

"Pertemuan itu bagi saya mengetahui pendapat masing-masing supaya dapat bersama-sama memaju serta membangunkan program sukan dan belia di negeri ini.

"Saya cuba sedaya upaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab, terutama projek serta rancangan yang telah diatur oleh Ketua Menteri," katanya.

Beliau yang berpengalaman sebagai jurulatih olahraga dan pengadil bola sepak berjanji akan memajukan taraf sukan di Melaka di samping menyediakan kemudahan lebih banyak padang permainan.

Raghavan berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Mohamed Ali dan Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu di atas pelantikan beliau sebagai Exco.

Mohamed Ali ketika berucap di majlis itu berkata pelantikan Raghavan sebagai perpaduan dan kerjasama erat di antara komponen dalam Barisan Nasional (BN) yang diwakili oleh semua kaum.

Beliau berkata 40 peratus daripada jumlah penduduk negeri Melaka berada dalam lingkungan umur 16 hingga 40 tahun dan justeru itu masalah dan perkembangan belia sentiasa diberi perhatian serius.

-- BERNAMA

NO RHM